

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 10 SEPTEMBER 2021

AKHBAR : BERITA HARIAN

# Kadar pengangguran dijangka beransur pulih

**Kerajaan tubuh Majlis Pekerjaan Negara sasar wujud 500,000 pekerjaan tahun ini**

Oleh Saadiah Ismail  
saadiah\_ismail@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kadar pengangguran di Malaysia dijangka beransur pulih apabila lebih banyak negeri beralih ke Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN), khususnya Lembah Klang yang meliputi Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya mulai hari ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata

pembukaan lebih banyak sektor ekonomi di Lembah Klang amat penting kerana ia menyumbang kira-kira 40 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Beliau berkata, kerajaan memandang serius isu peluang pekerjaan, terutama pengangguran dalam kalangan belia dan guna tenaga tidak penuh berkaitan masa serta kemahiran.

“Sehubungan itu, kerajaan menubuhkan Majlis Pekerjaan Negara yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

“Sasarannya ialah untuk me-

wujudkan 500,000 pekerjaan dan penempatan latihan kemahiran, tahun ini melalui kerjasama strategik agensi kerajaan serta pemain industri,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, dengan kebenaran lebih banyak aktiviti ekonomi beroperasi mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan serta jangkauan imuniti kelompok dicapai pada Oktober ini, pemulihan ekonomi akan lebih cepat apabila semakin banyak sektor dapat dibuka.

“Dengan kadar vaksinasi semakin meningkat dan jika lebih banyak lagi negeri beralih

keluar Fasa 1 PPN, kedudukan ekonomi dijangka lebih kukuh dan kadar pengangguran akan berkurangan mulai September ini,” katanya.

Mustapa berkata, pasaran buruh negara pulih secara beransur-ansur sejak awal tahun ini dengan kadar pengangguran berkurangan daripada 4.9 peratus pada Januari kepada 4.5 peratus pada Mei lalu.

Bagaimanapun, beliau menjejaskan, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh kerajaan akibat peningkatan mendadak kes COVID-19 mulai Jun lalu, menyebabkan peningkatan kadar pengangguran kepada 4.8 peratus pada bulan itu.

Namun, berdasarkan Laporan Tenaga Buruh bagi Julai 2021 yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan, semalam, katanya, kadar pengangguran kekal 4.8 peratus dengan bilangan penganggur meningkat sedikit kepada 778,200 orang berbanding bulan sebelumnya.

“Pembukaan lebih banyak sektor ekonomi di Lembah Klang amat penting kerana ia menyumbang kira-kira 40 peratus kepada KDNK”

**Mustapa Mohamed,**  
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi)

